

Projek Pengurusan Bersepadu Lembangan Sg. Selangor adalah projek kerjasama di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Denmark bermula pada Oktober 2002 hingga Oktober 2006. Kos projek adalah dianggarkan RM 16 juta dengan perkongsian kos 50:50 antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Denmark. Objektif utama projek ialah pengurusan mampan sumber asli melalui :

1.

penyusunan institusi

2.

pengurusan sumber manusia

3.

pemantauan dan pembangunan sistem maklumat

4.

program kesedaran dan penyebaran maklumat

5.

perancangan dan pengurusan lembangan sungai

6.

meningkatkan pengurusan amalan terbaik alam sekitar

Perlaksanaan projek adalah melibatkan tiga (3) komponen utama :

Di antara komponen tersebut ialah komponen diperingkat Persekutuan, komponen diperingkat Negeri Selangor dan komponen diperingkat Negeri Kedah disamping komponen projek demonstrasi.

### **Komponen Persekutuan (JPS )**

Ia akan membandingkan pelbagai model IRBM yang sesuai untuk digunapakai. Ia juga menekankan aspek pembangunan sumber manusia dengan kerjasama lain-lain agensi.

### **Komponen Negeri Selangor (LUAS)**

Ia akan memfokuskan melaksanakan aktiviti IRBM di Lembangan Sg. Selangor yang merupakan sumber utama bekalan air minum bagi kawasan Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Projek ini beroperasi di LUAS, tetapi setiap aktiviti yang dijalankan adalah melibatkan lain-lain agensi dan pihak berkepentingan.

### **Komponen Negeri Kedah (UPEN)**

Projek ini akan menggunakan Lembangan Sg. Kedah sebagai model bagi pembangunan institusi IRBM diperingkat negeri. Kawasan tadahannya meliputi 2 empangan pengairan yang

utama dan skim pemindahan air untuk tujuan pengairan dari Sungai Muda melalui MADA. Sehingga kini Kedah tidak mempunyai institusi yang bertanggungjawab untuk projek IRBM tetapi projek ini akan membantu meneroka pelbagai pilihan untuk penyusunan institusi bagi menyokong pengurusan bersepadu lembangan sungai kelak.